

Metro Ahad
4/6/23 MET

Majikan tak langgar peraturan Ordinan Buruh Sabah

Kota Kinabalu: Majikan yang didakwa mengabaikan kebajikan seorang pekerja yang kehilangan isteri baru bersalin dalam kejadian pada awal bulan lalu di sini didapati tidak melanggar peraturan yang ditetapkan dalam Ordinan Buruh Sabah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud, berkata, perkara itu diputuskan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) selepas melakukan siasatan apabila kes pekerja terbabit tular di media sosial sejak beberapa hari lalu.

"Mengikut sumber daripada majikan, mereka dimaklumkan oleh pekerja mengenai isterinya

yang bersalin dan memberikan cuti paterniti selama dua hari untuk urusan berkaitan.

"Majikan juga membenarkan pekerja untuk mengambil cuti tahunan sehingga urusan selesai dan menyatakan bahawa selepas enam hari kelahiran, pekerja itu datang bekerja dan memaklumkan kepada pengurusan syarikat bahawa isteri dan anaknya sihat dan beliau boleh bekerja seperti biasa.

"Bagaimanapun pada hari itu juga, apabila pulang kerja, pekerja

terbabit mendapati isterinya meninggal dunia di samping anak yang baru dilahirkan.

“Majikan membenarkan pekerja untuk mengambil cuti tahunan”
Mustapha

"Majikan juga ada memaklumkan bantuan dan sumbangan sudah diberikan termasuk urusan di hospital sebaik mengetahui perkara itu serta bersedia membantu apa-apa keperluan lain.

"Oleh itu saya mohon agar netizen (orang ramai) tidak menyalahkan sesiapa dalam kejadian ini kerana pihak majikan masih mematuhi Ordinan Buruh

(Sabah Bab 67)," katanya.

Beliau mengulas kes seorang pekerja sebuah syarikat di sini yang didakwa dianiayai majikan kerana tidak diberi cuti menjaga isteri yang baru bersalin hingga isterinya meninggal dunia ketika dia pergi bekerja.

Mustapha berkata, beliau juga sedih dan turut bersimpati terhadap pekerja terbabit serta mengarahkan JTK untuk membantu mendapat maklumat yang tepat daripada pekerja dan majikan.

"Saya dimaklumkan pada masa ini pekerja masih lagi amat sedih dengan pemergian isterinya dan hanya mahu bersama anaknya

yang baru dilahirkan.

"Saya amat berharap agar semua pihak tidak membuat apa-apa spekulasi dan menyerahkan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menyelesaikan situasi ini sebaik mungkin mengikut perundangan dan kemanusiaan," katanya.

Katanya, siasatan JTK Sabah juga mendapati memang benar majikan ada memotong gaji pekerja terbabit selama 13 hari ketika tempoh berkabung kerana tidak memohon apa-apa cuti tahunan namun potongan itu sudah ditarik balik dan majikan membayar gaji penuh.